




Harga runcit petrol RON97 naik sebanyak 7 sen iaitu daripada RM2.54 kepada RM2.61 seliter bermula tengah malam ini sehingga 29 Mac depan.

PUTRAJAYA – Harga runcit petrol RON95 dan diesel masing-masing kekal pada paras RM2.08 dan RM2.18 seliter bagi tempoh bermula tengah malam ini sehingga 29 Mac depan.

Kementerian Kewangan dalam satu kenyataan berkata, harga runcit petrol RON97 pula naik sebanyak 7 sen iaitu daripada RM2.54 kepada RM2.61 seliter untuk tempoh sama.

“Berdasarkan pengiraan di bawah formula Mekanisme Harga Automatik, harga runcit produk petrol RON95 dan diesel bagi tempoh 23 Mac hingga 29 Mac depan sepatutnya adalah masing-masing sebanyak RM2.31 dan RM2.38 seliter.

“Bagaimanapun, harga runcit kedua-dua produk petroleum berkenaan dikekalkan pada paras RM2.08 seliter dan RM2.18 seliter bagi tempoh tersebut,” kata kenyataan itu di sini hari ini.

Kenyataan itu memberitahu, ia selaras dengan keputusan jemaah menteri untuk untuk menstabilkan harga runcit bagi produk petroleum dan mengurangkan kos sara hidup rakyat. -K! ONLINE